

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 JANUARI 2024  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 17

## Beberapa isu berbangkit selesai

### Beberapa isu berbangkit selesai

**Kuala Lumpur:** Kementerian Ekonomi sudah mengambil langkah segera menyelesaikan beberapa isu berbangkit berhubung pendaftaran Sistem Pangkalan Data Utama (Padu) termasuk penggunaan nombor kad pengenalan.

Menteri Ekonomi Rafizi Ramli dalam harian di X berkata, isu penggunaan nombor kad pengenalan untuk pembatalan dan penurunan kata laluan sudah diselesaikan oleh pasukan yang mengendali Padu, malam kelmarin.

"Kelemahan dalam pengendalian pengesahan ini tidak ditemui semasa Penilaian Postur Keselamatan (SPA). Pasukan sudah mengambil tindakan segera serta penyelesaian sudah dilaksanakan dalam tempoh satu jam dan sudah selesai pada 2 Januari 2024, jam 9.15 malam," katanya.

Setakat 10 pagi semalam, sebanyak 233,782 pengguna berdaftar dengan Padu dan daripada jumlah itu, seramai 118,115 pengguna sudah selesai dengan proses e-KYC (Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital) manakala 71 peratus dengan peningesan e-KYC.

Mengenai kecacatan dan kelemahan dalam sistem itu, Rafizi berkata, maklumat pengemaskinian boleh dilaksana sejurus selepas daftar masuk tanpa melalui proses e-KYC bagi melincinkan proses.

Beliau berkata, e-KYC hanya dilaksana selepas pengemaskinian maklumat dilakukan dan individu ingin membuat peringesahan serta perakuan penghantaran profil.

Sebarang maklumat yang diisi tanpa e-KYC yang disahkan tidak akan diintegrasikan ke dalam Padu dan hanya maklumat yang dikemukakan daripada pengguna yang sudah berjaya melaksanakan pengesahan e-KYC dikira sah.

"e-KYC merupakan proses pengesahan

identiti pengguna. Pengguna perlu memastikan setiap maklumat yang dikemas kini disimpan pada setiap variabel dan selepas semua maklumat disimpan, pengguna perlu melaksanakan e-KYC bagi melaksanakan perakuan kepada maklumat yang sudah dikemas kini," katanya.

Rafizi juga berkata, nombor telefon sama boleh digunakan sebanyak lima kali bagi memudahkan pendaftaran individu yang merupakan ahli isi rumah (18 tahun ke atas) atau ibu bapa yang tidak memiliki telefon untuk membuat pendaftaran akaun Padu.



“  
**Maklumat yang diisi tanpa e-KYC yang disahkan tidak akan diintegrasikan**  
Rafizi